

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 19 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 31**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1133-L1529  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah negara kita bersedia untuk menggunakan visual autopsi di dalam pemeriksaan mayat bagi lebih sesuai untuk negara yang mempunyai warga yang mempunyai agama dan kefahaman yang tidak mahu mayat 'disiksa'.
2. PN-1133-L1638  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menjadikan industri kraf tangan sebagai perusahaan yang penting dan menjana pendapatan yang besar kepada negara.
3. PN-1133-L1374  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan peranan pihak-pihak pengurusan hotel yang lebih mengutamakan pengambilan pekerja-pekerja asing daripada mengambil pekerja tempatan di mana banyak peluang-peluang pekerjaan di industri perhotelan telah diisi oleh pekerja-pekerja asing.
4. PN-1133-L1578  
**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program pemulihan di sekolah-sekolah kebangsaan bagi memastikan setiap murid menguasai kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (3M).
5. PN-1133-L1611  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk memulihkan sungai-sungai yang tercemar serta berbau busuk di seluruh Malaysia. Ini adalah kerana keadaan sungai di seluruh negara adalah pada tahap yang kritikal dan ia boleh mengundang penyakit kepada penggunaannya.

6. PN-1133-L1744  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah pemantauan yang telah diambil apabila melakukan pelaburan ke dalam sektor R & D teknologi tinggi bagi memastikan Kerajaan tidak akan menanggung kerugian.
7. PN-1133-L1907  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tentang rungutan rakyat mengenai kuasa yang telah diberikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk menyaman mereka yang tidak menggunakan bahasa Malaysia dengan betul. Adakah langkah ini berkesan atau sebaliknya menimbulkan ketidakselesaan rakyat.
8. PN-1133-L1364  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam usaha meningkatkan pelaburan luar baru di Malaysia, memandangkan cabaran daripada gergasi ekonomi baru seperti China dan India terlalu kuat sehingga menyebabkan pelabur sedia ada sanggup meninggalkan negara ini demi keuntungan yang lebih besar di sana.
9. PN-1133-L1427  
**Tuan Munusamy a/ Mareemuthu** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
  - (a) statistik filem yang ditapis oleh Lembaga Rayuan bagi 3 tahun yang lepas mengikut bahasa; dan
  - (b) statistik filem yang dirujuk kepada Lembaga Rayuan bagi 3 tahun yang lepas.
10. PN-1133-L1980  
**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kaedah yang lebih berkesan untuk memastikan tandas-tandas di sekolah rendah dan menengah berada di tahap yang memuaskan kebersihannya.
11. PN-1133-L1886  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan rumah orang tua milik Kerajaan dan swasta dalam negara serta bilangan penghuni. Bagaimanakah pusat rumah orang tua swasta dipantau oleh Kementerian. Adakah Kementerian memberi apa-apa insentif kepada pihak swasta yang menubuhkan atau menguruskan rumah orang tua.

12. PN-1133-L2014  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian ini tidak menjalankan kajian yang teliti dalam memohon peruntukan, contohnya jalan raya dari Kuala Lipis ke Gua Musang, peruntukan di pohon RM80 juta, apabila DYMM Sultan Pahang sendiri memandu di jalan tersebut, Menteri memberitahu bajet khas tambahan akan dipohon daripada YAB Perdana Menteri.
13. PN-1133-L1825  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menarik minat generasi muda menceburi profesion kejururawatan agar ia benar-benar mencerminkan masyarakat majmuk negara ini.
14. PN-1133-L1555  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan pelajar bukan bumiputera yang belajar di setiap tingkatan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di seluruh negara. Adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk menambahkan bilangan pelajar tersebut pada masa akan datang.
15. PN-1133-L1926  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyakkah Klinik-klinik swasta yang masih gagal mendaftar berikutan penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Apakah kebaikan akta ini dan berapa ramai doktor atau klinik yang sudah diambil tindakan kerana melanggar akta tersebut.
16. PN-1133-L1707  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam memastikan agar tanggungjawab sosial SYABAS terhadap pengguna air di Selangor terjamin khasnya setelah tarif air dinaikkan baru-baru ini.
17. PN-1133-L1952  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi peluang atau keutamaan kepada kontraktor-kontraktor bekas tentera untuk mendapat projek atau serpihan projek dalam Rancangan Malaysia ke-9 walaupun tender dibuat secara terbuka.

18. PN-1133-L1601  
**Ir. Hiang A Li** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bagi memastikan program-program memperbaiki bangunan sekolah dan bangunan Kerajaan dalam Bajet 2007 dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.
19. PN-1133-L1453  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan ingin menggalakkan pihak korporat menjalankan tanggungjawab sosial korporat memandangkan sambutan dingin daripada mereka walaupun Kerajaan telah pun memberi insentif cukai ke atas sumbangan mereka untuk tujuan kebajikan.
20. PN-1133-L1658  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mewujudkan peruntukan atau dana khas bagi wanita dan apakah strategi terkini Kementerian merencanakan konsep suatu daerah suatu industri (khususnya makanan) yang rata-rata dimonopoli kaum wanita.
21. PN-1133-L1500  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Persatuan Melayu Kristian telah didaftarkan.
22. PN-1133-L1903  
**Tuan Tan Bon You** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan mahkamah khusus untuk membicarakan semua kesalahan lalu lintas bagi meringankan beban mahkamah lain.
23. PN-1133-L1480  
**Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah kes wabak tangan, kaki dan mulut (HFMD) dan jumlah kes kematian HFMD di seluruh negara pada tahun 2005 dan 10 bulan pertama pada tahun 2006.
24. PN-1133-L1854  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah kemungkinan hakisan pantai seperti yang berlaku di pantai timur adalah akibat daripada kesilapan reka bentuk pemecah ombak dan berapa kerapkah Kerajaan mengkaji kesan 'design default' pemecah ombak.

25. PN-1133-L1437  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan program khas bagi melibatkan masyarakat India dalam bidang pertanian; dan
  - (b) adakah Kementerian memberi bantuan seperti latihan dan pinjaman bagi menggalakkan masyarakat di kawasan perladangan untuk menjalankan perniagaan dalam pertanian dan asas tani.
26. PN-1133-L1801  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah sebenar pekerja asing dan pekerja tempatan di dalam sektor perladangan sehingga kini serta berapa peratuskah jumlah penguasaan sektor komoditi Malaysia berbanding dengan negara-negara Asia yang lain.
27. PN-1133-L1826  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan pemaju, kontraktor yang di senarai hitam sejak tahun 2000 dan adakah senarai tersebut melainkan nama syarikat, juga berkuat kuasa ke atas nama individu yang bertanggungjawab syarikat tersebut, dan sebab-sebab utama mereka disenaraikan.
28. PN-1133-L1827  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pengambilan bilangan pelajar asing di Malaysia mengikut sasaran dan apakah kelemahan dan kelebihan yang dihadapi pelajar asing dan usaha-usaha peningkatan di jadual dilaksanakan.
29. PN-1133-L1455  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menangani iklim pelaburan yang semakin tidak konsisten di Malaysia, berikutan tarikan pelaburan yang hebat daripada Negara China dan persaingan sengit daripada Singapura.
30. PN-1133-L1565  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan golongan siswazah yang terlibat dalam sektor pertanian. Berapakah bilangan siswazah bukan bumiputera yang memperoleh pertolongan dari Kementerian untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian.

31. PN-1133-L1735  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kenyataan balas YB. Menteri di Jabatan Perdana Menteri di TV terhadap kenyataan seorang Mufti mengenai terdapatnya 250,000.00 orang Melayu yang murtad merupakan satu sikap yang tidak perlu ada pada seorang pemimpin politik. Tidakkah perlu YB. Menteri ini memohon maaf di atas tutur bahasa kurang baik itu.
32. PN-1133-L1586  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menguasai pasaran biodiesel global memandangkan negara kita merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia dan memiliki teknologi pemprosesan yang ringkas dan terbukti berkesan sejak 20 tahun.
33. PN-1133-L1393  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada projek menaikkan taraf jalan persekutuan dari Changkat Jering melalui Trong, Pantai Remis, Segari ke Lumut akan dilaksanakan dalam RMK-9.
34. PN-1133-L1917  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pihak Kerajaan sedang giat menggalakkan pihak swasta menyertai dalam perkembangan bidang ini. Setakat ini berapa banyakkah syarikat-syarikat swasta yang menyertai bidang ini khususnya ternakan, perikanan, perkilangan makanan dan pemasaran bahan ini.
35. PN-1133-L1612  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilangan penyedia-penyedia perkhidmatan jalur lebar sedia ada bagi memastikan mutu perkhidmatan dapat ditingkatkan dan menggalakkan persaingan. Dengan itu, pengguna akan menikmati banyak manfaat daripada produk-produk dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan. Selain kualiti yang memuaskan, pengguna juga akan menikmati harga yang lebih kompetitif.
36. PN-1133-L1486  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mencadangkan kepada Kabinet agar kampus-kampus mini UiTM diwujudkan semula agar penyertaan bumiputera dalam sektor pekerjaan kritikal dapat dipenuhi kerana pada hakikatnya, sumber manusia Melayu/bumiputera inilah yang merealisasikan sebahagian besar cita-cita Kongres Ekonomi Bumiputera 1965 (KEB).

37. PN-1133-L1876  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw**i minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah reaksi dan tindakan Kementerian terhadap dakwaan akhbar tempatan tentang penglibatan siswa siswi di dalam kegiatan seks bebas dan apakah ada apa-apa tangkapan dibuat sehingga kini.
38. PN-1133-L1694  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar-pelajar yang telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di IPTA bagi kemasukan tahun 2006. Sila nyatakan jumlah mengikut universiti dan pecahan mengikut suku kaum.
39. PN-1133-L1672  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah mereka yang meminjam dengan Bank Pertanian untuk program Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah. Nyatakan jumlah yang telah berjaya dan gagal seterusnya kepada yang telah berjaya adakah pihak Bank Pertanian akan membantu memperkemaskan lagi perniagaan mereka sebagai balasan di atas kejayaan mereka.
40. PN-1133-L1936  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penurunan CPI Malaysia bagi tahun 2006 daripada tangga 39 kepada 44 daripada 163 negara menandakan gejala rasuah di Malaysia semakin tidak terkawal. Nyatakan dari segi peratus 5 agensi Kerajaan di mana kadar rasuah begitu tinggi berlaku.
41. PN-1133-L1384  
**Tuan Gooi Hoe Hin** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada struktur dan skim perkhidmatan polis akan dikaji semula supaya gaji dan elaun kemudahannya dapat dipertingkatkan bersesuaian dengan keadaan semasa.
42. PN-1133-L1686  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan/jumlah kontraktor kelas F yang telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam negara kita sehingga pertengahan 2006 dengan pecahannya mengikut negeri.
43. PN-1133-L1342  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes-kes yang berkaitan dengan masalah jerebu yang telah dilaporkan di hospital-hospital dan klinik-klinik awam dan swasta yang melanda Sarawak baru-baru ini dan sama ada terdapat peningkatan atau pengurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelumnya.

44. PN-1133-L1765  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan setakat ini berapa banyak koperasi-koperasi yang ada di seluruh negeri yang didapati gagal mematuhi peraturan, jumlah yang telah dibatalkan pendaftarannya dan berapa banyak yang masih beroperasi dan jumlah keahliannya.
45. PN-1133-L1359  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah kebenaran wujudnya kelompok pelajar-pelajar homoseksual di kalangan pelajar-pelajar sekolah berasrama lelaki; dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji implikasinya terhadap misi nasional terhadap pembangunan modal insan yang disarankan dalam RMK-9.
46. PN-1133-L1753  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan contoh-contoh yang terbaik untuk membuka pemikiran sesetengah pemimpin politik tentang betapa penggunaan Bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik amat mustahak terutama pelajar-pelajar sekolah di luar bandar. Bagaimana hendak melahirkan generasi minda kelas pertama jika perkara ini pun masih terus dipertikaikan.
47. PN-1133-L1409  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk menggalakkan pengeluaran drama-drama TV Tamil tempatan yang dapat mencerminkan unsur dan kebudayaan tempatan berbanding dengan drama TV Tamil yang diimport.
48. PN-1133-L1972  
**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan lagi pegangan 30% ekuiti ekonomi bumiputera di negara ini.
49. PN-1133-L1659  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah PBT sedar akan wujudnya kegiatan pelacuran yang berselindung di sebalik perkhidmatan spa yang beroperasi di rumah-rumah kedai di kawasan perumahan dan berapakah jumlah lesen yang telah dibatalkan (khususnya di Kuala Lumpur) berhubung hal ini.

50. PN-1133-L1639  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan hiburan malam (night city) sebagai daya tarikan Kuala Lumpur.
51. PN-1133-L1869  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan ISA sehingga kini mengikut kesalahan dan tempoh mereka di penjarakan. Bilakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan ISA.
52. PN-1133-L1718  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah keuntungan diperoleh negara melalui sektor pelancongan pada tahun 2005 dan anggaran keuntungan yang bakal dikaut melalui Tahun Melawat Malaysia 2007.
53. PN-1133-L1840  
**Datuk Soon Tian Szu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini masyarakat dikejutkan dengan berita pembunuhan, ragut dan kes pecah rumah. Walaupun pihak polis telah mengambil langkah-langkah pencegahan, namun kejadian tetap berlaku. Adakah ini disebabkan oleh strategi polis tidak sesuai atau tidak berkesan.
54. PN-1133-L1521  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan pusat terhadap pandangan bahawa konsep bangsa Malaysia tidak sesuai digunakan mengikut perakuan Perlembagaan yang diutarakan oleh YAB. Menteri Besar Johor pada bulan lalu.
55. PN-1133-L1779  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah kekurangan mesin dialisis di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara.
56. PN-1133-L1990  
**Datuk Chew Vun Ming** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kita mempunyai kelengkapan perubatan yang baik dan kita juga mempunyai hospital yang baik. Namun demikian, sejak akhir-akhir ini kita sering kali mendengar rungutan daripada orang ramai mengenai kesilapan yang dilakukan oleh doktor-doktor bertugas. Ini merupakan perkara yang serius. Apa yang dapat didengar hari ini adalah hanya sebahagian daripada mangsa salah laku doktor. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah serius ini.

57. PN-1133-L1513  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam melaksanakan Sistem Usahawan Tani Komersial Siswazah setakat ini memandangkan peruntukan RM10 juta ringgit telah diluluskan untuknya.
58. PN-1133-L1416  
**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perangkaan tentang keberkesanan memperkasa sekolah kebangsaan, setelah Kerajaan membenarkan bahasa Cina dan Tamil diajar di sekolah kebangsaan.
59. PN-1133-L1536  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah sistem FAX yang menggantikan RAC di Sarawak dan Sabah telah menjejaskan sektor Pelancongan di kedua-ke dua negeri tersebut dan apakah langkah 'remedial' yang diambil secara bersepadu oleh kedua-dua Kementerian dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri-negeri berkenaan.
60. PN-1133-L1620  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya pertumbuhan ekonomi sebanyak 5-6% setahun yang diselangi oleh kenaikan harga petrol, tenaga elektrik dan air serta diikuti oleh barang-barang lain.
61. PN-1133-L1962  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan ada berapa ramaikah anggota tentera yang cacat atau dikategorikan OKU disebabkan terlibat dalam operasi menentang pengganas komunis di dalam negeri semasa di perbatasan dan apakah jenis bantuan yang diberi kepada mereka.
62. PN-1133-L1984  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah semua anggota PDRM mengikut kategori dan pangkat serta sistem skim kenaikan pangkatnya untuk semua kategori tersebut. Adakah beban kategori tugas dan tanggungjawab setimpal dengan gred dan pangkatnya. Apakah strategi yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan lagi martabat perkhidmatan PDRM selaras dengan sumbangan yang begitu cemerlang sejak ujudnya PDRM.
63. PN-1133-L1552  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia di dalam tempoh terdekat ini, memandangkan ancaman kepada keselamatan negara semakin menular terutama kerana keadaan persekitaran negara-negara jiran yang kurang aman.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R.32/2006) Rang Undang-undang Perbekalan 2007 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. (18 Disember 2006)**
2. (D.R.24/2006) Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R.34/2006) Rang Undang-undang Kewangan 2006; “
4. (D.R.40/2006) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) 2006; “
5. (D.R.42/2006) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006; “
6. (D.R.41/2006) Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2006; “
7. (D.R.43/2006) Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006; “
8. (D.R.47/2006) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006; “
9. (D.R.46/2006) Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2006; “
10. (D.R.45/2006) Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006; “
11. (D.R.48/2006) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006; “
12. (D.R.50/2006) Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006; “
13. (D.R.49/2006) Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2006; “
14. (D.R.51/2006) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; dan “
15. (D.R.35/2006) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan 2006. “

16. PN-1133-U1419

**Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin** akan mencadangkan:-

"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

17. PN-1133-U1942

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

18. PN-1133-U1943

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

19. PN-1133-U1944

**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

| <b><u>TAHUN<br/>2006</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>   | <b><u>TARIKH<br/>DIBENTANGKAN</u></b> |
|------------------------------|---|---------------------------------------|
| ST.209                       | Laporan Tahunan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bagi Tahun 2003   | 18 Disember 2006                      |
| ST.210                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)                    | 18 Disember 2006                      |
| ST.214                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Bagi Tahun 2004  | 18 Disember 2006                      |
| ST.216                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)                         | 18 Disember 2006                      |
| ST.218                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)              | 18 Disember 2006                      |
| ST.221                       | Laporan Tahunan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bagi Tahun 2004   | 18 Disember 2006                      |
| ST.231                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)                  | 18 Disember 2006                      |
| ST.206                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)                          | 19 Disember 2006                      |
| ST.207                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit)                       | 19 Disember 2006                      |
| ST.208                       | Laporan Tahunan Suruhanjaya Tenaga Malaysia Bagi Tahun 2004   | 19 Disember 2006                      |
| ST.212                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit) | 19 Disember 2006                      |